

Headline	MEMBIAK BULUH		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	22 Dec 2015	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	1,270,667
Page No	V1,V4,V5	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	1916 cm ²
Journalist	Mohamad Hussin	AdValue	RM 75,479
Frequency	Daily	PR Value	RM 226,436



**MEMBIAK
BULUH**

Kaedah biasa yang digunakan adalah dengan pembiakan tampang iaitu secara keratan dahan dan batang >>4&5

Headline	MEMBIAK BULUH		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	22 Dec 2015	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	1,270,667
Page No	V1,V4,V5	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	1916 cm ²
Journalist	Mohamad Hussin	AdValue	RM 75,479
Frequency	Daily	PR Value	RM 226,436

Kaedah TAMPANG beri hasil LEBIH CEPAT

Ada spesies buluh mula berbunga pada usia tiga tahun dan ada ketika 80 tahun



FOKUS

Oleh Mohamad Hussin
mohamad_hussin@
hmetro.com.my

Buluh biasanya digunakan masyarakat kita untuk membuat lemang apabila tiba musim perayaan.

Ia diklasifikasikan dalam keluarga rumput (*gramineae*) selain tergolong sebagai tanaman istimewa kerana mempunyai kadar pertumbuhan yang pantas.

Dalam tempoh 20 minggu, ia boleh mencapai ketinggian yang maksimum dan mengeluarkan hasil iaitu rebung serta batang.

Di negara ini, ada kira-kira 60 spesies buluh dan 28 daripadanya adalah buluh tempatan yang kebanyakannya tumbuh liar selain ditanam.

Daripada penyelidikan dijalankan, hanya 13 spesies buluh yang biasa digunakan secara komersial. Buluh mempunyai keistimewaan

yang tersendiri kerana sifatnya seperti kayu, tapi mudah dibentuk dan dilentur.

Kini buluh turut menjadi sumber keluaran hutan yang ketiga penting selepas kayu balak dan rotan. Sejak akhir-akhir ini, penggunaannya sebagai sumber untuk industri pengeluaran barang parket dan pepapan menjadi begitu penting.

Pegawai Penyelidik (Penyelidikan Hutan Ladang) Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Abd Razak Othman berkata, perkara utama dalam tanaman buluh adalah pemilihan spesies dan penyediaan benih selain penanaman, penubuhan ladang serta pengurusan ladang buluh.

"Pemilihan spesies buluh untuk perladangan mestilah berdasarkan produk akhir yang diinginkan. Ada beberapa spesies buluh yang berdinding tebal sesuai digunakan untuk menghasilkan produk bermutu seperti parket, pepapan buluh, panel dan lamina.

Antaranya buluh beting,

semantan, brang dan betung. Ada spesies buluh yang menghasilkan rebung enak untuk dimakan seperti betung dan madu," katanya.

Menurutnya, buluh boleh dibiak dan ditanam menggunakan biji benih serta tam-pang.

"Penanaman secara biji benih jarang dilakukan kerana masalah untuk mendapatkan biji benih yang bernas dan penghasilan biji benih tidak bermusim.

"Jangka masa buluh berbunga dan menghasilkan biji benih berbeza antara spesies dan sesama spesies itu sendiri. Ada spesies buluh mula berbunga pada usia tiga tahun dan ada berbunga apabila berusia 80 tahun.

"Kaedah biasa yang digunakan untuk penanaman buluh adalah dengan pembiakan tampang iaitu secara keratan dahan dan batang kerana ia boleh menghasilkan bahan tanaman dengan lebih cepat," katanya.

Abd Razak berkata, kaedah pembiakan secara keratan dahan biasanya di-

Headline	MEMBIAK BULUH		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	22 Dec 2015	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	1,270,667
Page No	V1,V4,V5	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	1916 cm ²
Journalist	Mohamad Hussin	AdValue	RM 75,479
Frequency	Daily	PR Value	RM 226,436

gunakan untuk membiak buluh yang mempunyai dinding tebal selain pertumbuhan dahan pada batang agak besar.

“Keratan dahan yang baik biasanya diperoleh daripada

batang yang berusia dua hingga tiga tahun. Kaedah ini sesuai untuk pembiakan buluh beting, betung, brang dan tumpat.

“Ciri-ciri keratan dahan yang dipilih untuk pembiakan adalah segar dan baru, bebas daripada penyakit, mempunyai pertumbuhan akar udara pada bahagian pangkal dahan dan mempunyai mata atau tunas pada bahagian pangkal serta ruas dahan.

“Setiap keratan dahan perlu mempunyai tiga atau empat ruas. Potongan dahan

dari batang perlu dilakukan han dengan berhati-hati supaya tunas tidak cedera atau dirosakkan ketika kerja pengambilan keratan dia-lankan,” katanya.

Dia berkata keratan yang

diambil seelok-eloknya ditanam segera kerana jika lewat keratan itu perlu disimpan di dalam keadaan lembap seperti di dalam guni atau dalam habuk kayu lembap.

“Jika keratan ini disimpan dalam keadaan lembap, ia hendaklah ditanam dalam masa tiga atau empat hari. Bagi menggalakkan pertumbuhan akar dan tunas, disyorkan supaya hormon penggalak akar komersial diletakkan pada keratan da-

“Caranya adalah dengan mencelup bahagian pangkal dahan khususnya pada bahagian yang terdapat akar udara dengan serbuk hormon kemudian terus ditanam di tapak semaian.

“Pemberian hormon juga dapat mempercepatkan pembentukan dan pertumbuhan rizom, rebung serta batang buluh baru. Pada peringkat awal penanaman, keratan di tapak semaian perlu disiram dua kali sehari iaitu pagi dan petang,” katanya.


Abd Razak berkata, jangka masa keratan dibiarkan di tapak semaian selama tiga hingga empat bulan iaitu hingga keratan itu berakar sebelum boleh ditanam di

lapangan.

“Kadar peratus kejayaan keratan yang hidup adalah tinggi iaitu antara 80 hingga 90 peratus. Keratan dahan ditapak semaian sedia untuk ditanam di ladang.

“Kebanyakan buluh di negara ini boleh dibiakkan menggunakan keratan batang. Bahagian tengah dan atas batang buluh yang berusia dua hingga tiga tahun didapati mempunyai kadar kehidupan yang baik.

“Kadar kejayaan berbeza mengikut spesies buluh iaitu antara 30 peratus (buluh nipis) hingga 70 peratus (buluh duri). Keratan batang yang digunakan mestilah mempunyai sekurang-kurangnya dua ruas dan mempunyai mata atau tunas serta dahan kecil yang hidup,” katanya.



Headline	MEMBIAK BULUH		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	22 Dec 2015	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	1,270,667
Page No	V1,V4,V5	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	1916 cm ²
Journalist	Mohamad Hussin	AdValue	RM 75,479
Frequency	Daily	PR Value	RM 226,436

Info tanaman



PERKARA UTAMA PROGRAM TANAMAN BULUH

- Pemilihan spesies buluh dan penyediaan benih
- Penanaman dan penubuhan ladang buluh
- Pengurusan ladang buluh



FAKTOR MEMILIH KAWASAN

PENANAMAN BULUH

- Peratus kehidupan buluh rendah di bawah naungan yang tinggi
- Buluh tidak boleh hidup di kawasan yang berpaya atau terendam, kawasan yang masin dan tanah bris.
- Kawasan penanaman sebaiknya mempunyai saliran yang baik dan kandungan bahan organik tinggi
- Buluh sesuai ditanam di sepanjang tebing sungai



Headline	MEMBIAK BULUH		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	22 Dec 2015	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	1,270,667
Page No	V1,V4,V5	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	1916 cm ²
Journalist	Mohamad Hussin	AdValue	RM 75,479
Frequency	Daily	PR Value	RM 226,436



Headline	MEMBIAK BULUH		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	22 Dec 2015	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	1,270,667
Page No	V1,V4,V5	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	1916 cm ²
Journalist	Mohamad Hussin	AdValue	RM 75,479
Frequency	Daily	PR Value	RM 226,436



Headline	MEMBIAK BULUH		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	22 Dec 2015	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	1,270,667
Page No	V1,V4,V5	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	1916 cm ²
Journalist	Mohamad Hussin	AdValue	RM 75,479
Frequency	Daily	PR Value	RM 226,436

